



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 11 /2019
27 NOVEMBER 2019 (30 RABIULAWAL 1441H)**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Pertama kali saya ingin merafakkan kesyukuran yang tidak terhingga di atas nikmat kurniaan kesihatan yang diberikan kepada kita semua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Justeru itu, saya berharap agar layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

2. PETALING JAYA CHILD FRIENDLY CITY CONFERENCE 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menganjurkan program “**Child Friendly City Conference**” yang bermula pada 26 dan 27 November 2019 yang merupakan penganjuran yang julung kalinya di adakan di Negeri Selangor. Penganjuran ini juga telah mendapat penyertaan yang

menggalakkan bukan sahaja dari negeri Selangor malah dari seluruh negeri di Malaysia. Ironinya, seramai 200 orang kanak-kanak yang menyertai persidangan ini akan bersama-sama bermesyuarat, berbincang dan bertukar idea serta buah fikiran sepanjang persidangan berlangsung. Selain itu, segala urusan pengacaraan dan kerusetiaan setiap aktiviti sepanjang persidangan ini juga diuruskan oleh kanak-kanak sendiri dengan seliaan dan pemantauan daripada urusetia induk. Situasi ini merupakan satu langkah terbaik dalam membentuk jati diri, membimbing dan mengeluarkan potensi diri serta nilai kepimpinan dalam setiap diri kanak-kanak yang hadir ke persidangan ini.

Melestarikan kesejahteraan kanak-kanak ini adalah selaras dengan gagasan *Sustainable Development Goals* (SDG) yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia adalah sebahagian dari Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari, khasnya di bawah Matlamat 11 *Sustainable Cities and Communities*. Matlamat gagasan ini adalah untuk mengatasi kemiskinan tegar, memerangi ketidaksamaan dan ketidakadilan serta membangunkan masyarakat inklusif.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya turut mensasarkan untuk menjadi bandar pertama di Malaysia yang akan mendapat pengiktirafan dari UNICEF sebagai sebuah bandar raya mesra kanak-kanak. Pengiktirafan ini amat bermakna buat bandar raya Petaling Jaya dan Negeri Selangor khususnya dalam melonjakkan negeri ini sebagai negeri yang berdayahuni (*sustainable*), inklusif (*inclusive*) dan sejahtera (*) di peringkat antarabangsa.*

3. PELAKSANAAN PENGURUSAN CEKAP TENAGA DAN KAJIAN AUDIT TENAGA UNTUK BANGUNAN MAJLIS

Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui Jabatan Kawalan Bangunan sedang melaksanakan beberapa projek dan kolaborasi pintar dalam menyahut saranan Sustainable Development Goals (SDGs). Jabatan Kawalan Bangunan juga dalam kerangka dan usaha ke arah memberi kesedaran kepada warga kerja Majlis melalui beberapa siri kursus dan bengkel secara berterusan.

Usaha ini selari dengan visi MS 1525 dimana ilmu dalam implementasikan cekap tenaga dan lestari serta tenaga diperbaharui (Renewal Energy) pada bangunan-bangunan Majlis yang dianggap penting dalam merealisasikan objektif pengawalan penggunaan tenaga dengan cekap di bangunan-bangunan Majlis mahupun bangunan di kawasan Petaling Jaya.

Salah satu aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah projek Audit Tenaga di 3 bangunan Majlis iaitu di **Bangunan Menara di Jalan Tengah, Dewan Sivik di Jalan Yong Shook Lin dan Perpustakaan Komuniti di Jalan Selangor** yang berkolaborasi bersama pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi menghasilkan idea berkoncepkan pengurusan bangunan cekap tenaga. Hasrat ini adalah sejajar dan selari ke arah Petaling Jaya bandar raya berkarbon rendah.

Selain itu, kerjasama serta perkongsian pintar bersama SEDA Malaysia turut membantu dalam usaha untuk menurunkan karbon bandar raya Petaling Jaya sebanyak 30% menjelang tahun 2030.

4. PENYELENGGARAAN LANDSKAP, KEMUDAHAN AWAM DAN PEMBUDAYAAN LANDSKAP

Perkhidmatan penyelenggaraan landskap adalah antara perkhidmatan teras yang disediakan oleh Majlis untuk mewujudkan suasana persekitaran semulajadi dengan tumbuh-tumbuhan menghijau dalam memastikan persekitaran bandar raya indah serta kondusif untuk didiami, bekerja dan beriadah.

Menyedari betapa pentingnya pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan landskap dalam usaha mewujudkan dan mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk memberi manfaat kepada kehidupan warga Petaling Jaya, Majlis memperuntukkan sejumlah RM12.949 juta untuk menyelenggara 38 kawasan landskap yang komprehensif meliputi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta melupuskan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang.

Bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan penyelenggaraan di taman-taman awam, Majlis buat julung kalinya telah menyediakan peruntukan khas sejumlah RM 4.28 juta bagi memfokuskan kepada kerja-kerja penyelenggaraan di 15 buah taman awam. Kaedah yang lebih komprehensif ini didapati lebih berkesan dan memudahkan pemantauan kerja yang terlibat terhadap semua aspek penyelenggaraan landskap di kawasan liputannya.

Selain dari itu Majlis juga memastikan perabot dan kemudahan sedia ada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berada di dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM 3,100,000 diperuntukkan untuk dilantik 15 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan

dan kerja-kerja pemberian berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

Bagi program Pembudayaan Lanskap pula, ia merujuk kepada program yang dijalankan khusus untuk penduduk/komuniti yang tinggal di sekitar Petaling Jaya. Program ini adalah satu inisiatif untuk menyokong pembangunan Local Agenda 21 yang telah dilaksanakan oleh Majlis sejak sekian lama.

Sejumlah RM 300,000 disediakan untuk program Pembudayaan Lanskap bersama komuniti bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan lanskap melalui program Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang telah mendapat tempat di kalangan penduduk.

Perancangan Program Pembudayaan Lanskap bagi tahun 2020 merangkumi 3 program utama iaitu **Program Kawasan Lapang Angkat**, **Program Kebun Kejiranan Komuniti** dan **Pertandingan/Bengkel/ Aktiviti Komuniti** yang menjurus kepada pembentukan komuniti mampan melalui penerapan aktiviti-aktiviti berasaskan lanskap dalam kehidupan seharian penduduk Petaling Jaya.

5. LIFELONG LEARNING INFORMATION TECHNOLOGY (LIT) 2019

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Program *Lifelong Learning IT (LIT)* 2019 yang bertujuan untuk memberikan pendedahan berkaitan teknologi maklumat kepada murid-murid orang asal Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan (SKBL).

Program LIT ini merupakan latihan kursus komputer kepada anak-anak orang asal di SKBL bagi mempelajari tentang penggunaan asas tiga perisian Microsoft iaitu Word, Powerpoint, dan Excel. Program latihan ini sebagai persediaan untuk murid-murid berkenaan memasuki fasa sekolah menengah pada masa akan datang. Menerusi program ini, pengetahuan asas yang diperolehi oleh murid-murid berkenaan dapat dikongsikan bersama rakan atau ahli keluarga sebagai sebahagian daripada proses pemerkasaan mereka.

Seramai 20 orang murid orang asal SKBL yang terdiri daripada murid tahun 4 dan tahun 5 telah menyertai program ini sejak 27 Februari hingga 30 Oktober 2019. Turut serta menjayakan program ini adalah 11 orang tenaga pengajar yang merupakan kakitangan Unit Teknologi Maklumat MBPJ.

Sebagai makluman, Petaling Jaya merupakan satu daripada 10 bandar di dunia yang menerima **Anugerah Bandar Pembelajaran Pertubuhan Pendidikan, Sains Dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) 2019**. Kejayaan ini hasil daripada usaha Majlis dan kerjasama beberapa rakan strategik dalam melaksanakan inisiatif meningkatkan akses pembelajaran kepada penduduk Petaling Jaya.

MBPJ telah mengenalpasti 8 kategori utama sebagai fokus di dalam Program Pembelajaran ini iaitu Kebudayaan & Kesenian (Arts & Culture), Pelajaran (Education), Keusahawanan (Entreprenuership), Kesihatan (Health & Wellness), Alam Sekitar (Environment), Kerohanian (Spirituality), Teknologi (Technology) dan Keselamatan (Safety) melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa, pelajar sekolah, pekerja, peniaga, wanita, golongan kurang berkemampuan dan golongan kurang upaya. Program LIT

ini juga merupakan satu daripada lapan teras pembelajaran dalam laporan yang dihantar untuk anugerah tersebut.

Penganjuran LIT juga bertujuan untuk memperkasakan komuniti terlibat untuk mencapai kemampanan yang selari dengan Agenda Sustainable Development Goals (SDGs). Program ini juga memenuhi matlamat SDGs ke-4 iaitu pendidikan yang berkualiti.

6. PELAKSANAAN KAWASAN BARU ZON KUTIPAN LETAK KERETA BERBAYAR DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan melaksanakan zon kutipan letak kereta berbayar di kawasan baru bermula pada **1 Disember 2019**. Pelaksanaan zon kutipan ini melibatkan 14 kawasan baru yang meliputi 63 lokasi jalan di sekitar Petaling Jaya. Berikut adalah senarai kawasan dan lokasi jalan terlibat:

Bil	Nama Kawasan	Nama Jalan
1	Seksyen 5	<ul style="list-style-type: none">- Jalan 5/51- Jalan 5/57
2	PJS 1	<ul style="list-style-type: none">- Jalan PJS 1/9- Jalan PJS 1/11- Jalan PJS 1/13- Jalan PJS 1/26
3	PJS 3 (Taman Sri Manja)	<ul style="list-style-type: none">- Jalan PJS 3/11- Jalan PJS 3/41- Jalan Medan 8- Jalan Medan 9- Jalan PJS 3/59- Jalan Belakang PJS 3/59- Jalan PJS 3/61

		<ul style="list-style-type: none"> - Jalan PJS 3/63 - Jalan Tepi PJS 3/63
4	PJS 5 (Pusat Perniagaan PJCC)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan PJS 5/28 - Jalan PJS 5/28A - Jalan Belakang PJS 5/28 - Jalan PJS 5/29 - Jalan PJS 5/30 - Jalan Belakang PJS 5/30 - Jalan Tepi PJS 5/30
5	PJS 10	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan PJS 10/2 - Jalan PJS 10/4 - Jalan PJS 10/32
6	<p>PJU 1A Ara Damansara (Pusat Perniagaan Taipan 1)</p> <p>Dataran Ara Damansara (Pusat Perniagaan Taipan 2)</p> <p>Pusat Dagangan NZX</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan PJU 1A/3 - Jalan PJU 1A/3J - Jalan PJU 1A/3K - Jalan PJU 1A/3L - Jalan PJU 1A/3M - Jalan PJU 1A/3N - Jalan PJU 1A/5A - Jalan PJU 1A/20A - Jalan PJU 1A/20B - Jalan PJU 1A/20C - Jalan PJU 1A/20D - Jalan PJU 1A/20E - Jalan PJU 1A/20F - Jalan PJU 1A/20G - Jalan PJU 1A/20H - Jalan PJU 1A/41B
7	PJU 5 (Taman Teknologi, Kota Damansara)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Teknologi 3/9
8	Kota Damansara	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Camar 4/2

	(Seksyen 4)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Camar 4/3 - Jalan Camar 4/4 - Jalan Camar 4/5A
9	Kota Damansara (Seksyen 5)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Sepah Puteri 5/1A - Jalan Sepah Puteri 5/1B - Jalan Sepah Puteri 5/1C - Jalan Sepah Puteri 5/1D
10	Kota Damansara (Seksyen 6)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Cecawi 6/33
11	Kota Damansara (Seksyen 7)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Nuri 7A - Jalan Belakang 7A - Jalan Nuri 7B
12	Kota Damansara (Seksyen 8)	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Pekaka 8/2 - Jalan Pekaka 8/3 - Jalan Pekaka 8/4 - Jalan Pekaka 8/5
13	PJU 6	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan Dataran Pelangi Utama
14	PJU 7	<ul style="list-style-type: none"> - Jalan PJU 7/7A - Jalan PJU 7/16 - Jalan PJU 7/16A - Jalan PJU 7/16B

Kutipan fi parkir dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan pengurusan dan penyelenggaraan petak letak kereta awam dapat dilaksanakan dengan cekap serta dapat menyediakan kualiti perkhidmatan terbaik untuk pengguna. Selain itu, tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dikawasan berkenaan bagi memastikan tiada penyalahgunaan petak letak kereta.

Kadar fi parkir dikawasan baru yang terlibat adalah sama seperti kawasan sedia ada. Berikut adalah maklumat berkaitan Zon Letak Kereta dibawah penyeliaan MBPJ:

- Waktu berkuatkuasa:
 - 1) Isnin hingga Jumaat (8.00 pagi – 6.30 petang).
 - 2) Sabtu, Ahad & Kelepasan Am: Percuma.
- Kadar bayaran:
 - 1) RM 0.60 sejam atau sebahagian daripadanya.
 - 2) RM 5.00 / sehari.
 - 3) RM 100.00 / sebulan.
- Cara bayaran:
 - 1) Mendapatkan **Kupon Letak Kereta** daripada ejen yang dilantik oleh Majlis yang berhampiran di lokasi.
 - 2) Menggunakan aplikasi **Smart Selangor Parking** (*Google Playstore* dan *Appstore*).
- Cara semak atau bayar kompaun:
 - 1) Layari Sistem Perhubungan Pelanggan MBPJ <https://embpj.mbpj.gov.my/>.
 - 2) Menggunakan aplikasi **SmartPJ enforcement** (*Google Playstore*) dan **Smart Selangor Parking** (*Google Playstore* dan *Appstore*).

Sekian, terima kasih.